



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



PEMBANGUNAN MODAL INSAN YANG BERINTEGRITI BERDASARKAN KONSEP NILAI ADAB MENURUT ISLAM

THE DEVELOPMENT OF HUMAN CAPITAL WITH INTEGRITY BASED ON THE CONCEPT OF ADAB VALUES ACCORDING TO ISLAM

Ira Meilita^{1*}, Munirah²,

¹ Department of General Studies, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia
Email: meilita@utar.edu.my

² Department of General Studies, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia
Email: munirah@utar.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Melita, I., & Munirah, M. (2025).
Pembangunan Modal Insan Yang
Berintegriti Berdasarkan Konsep Nilai
Adab Menurut Islam. *International
Journal of Law, Government and
Communication*, 10 (40), 338-352.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040025

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pembangunan modal insan, yang merujuk kepada aset intelektual yang terdapat dalam diri individu, memainkan peranan yang amat penting dalam kemajuan sesebuah negara. Dalam era pendigitalan dan kemajuan pesat teknologi masa kini, modal insan yang berkemahiran tinggi, berilmu, berpengetahuan luas, serta berintegriti merupakan elemen utama yang diperlukan untuk mencapai status negara maju. Pembangunan modal insan berintegriti melibatkan usaha bersepadu daripada keluarga, masyarakat, dan organisasi dalam membentuk keterampilan individu yang selaras dengan nilai-nilai murni dan etika. Dalam konteks masyarakat yang semakin kompleks dan mencabar, modal insan yang berintegriti menjadi asas penting dalam membina kepercayaan, memupuk kerjasama, serta menjamin keadilan sosial. Nilai adab menurut perspektif Islam mempunyai kaitan yang erat dengan nilai-nilai tersebut. Individu yang berintegriti akan sentiasa bertindak secara jujur, amanah, dan bertanggungjawab, selain mampu membuat keputusan yang adil dan beretika. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti nilai-nilai adab menurut Islam yang relevan dalam pembangunan modal insan berintegriti, serta menerangkan kaedah-kaedah penerapan nilai-nilai tersebut dalam konteks pembangunan modal insan. Dalam kajian ini data dikumpul melalui analisis teks. Kemudian data tersebut dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan nilai-nilai adab Islam yang dikenal pasti boleh diterapkan dalam kalangan masyarakat Malaysia daripada pelbagai golongan melalui kaedah-kaedah tertentu. Penerapan nilai adab ini penting dalam membentuk modal insan yang berkualiti dan berdaya saing.

Kata Kunci:

Modal Insan, Berintegriti, Nilai Adab

Abstract:

Human capital development, which refers to the intellectual assets within an individual, plays a very important role in the progress of a nation. In this era of digitalization and rapid technological advancement, highly skilled, knowledgeable, well-informed, and integrity-driven human capital is a key element required to achieve the status of a developed country. The development of human capital with integrity involves integrated efforts from families, communities, and organizations in shaping individuals' character in alignment with noble values and ethics. In the context of an increasingly complex and challenging society, human capital with integrity is fundamental in building trust, fostering cooperation, and ensuring social justice. The concept of *adab* (Islamic ethical values) from the Islamic perspective is closely related to these values. Individuals with integrity will consistently act honestly, responsibly, and trustworthily, as well as be capable of making fair and ethical decisions. Therefore, this study aims to identify the values of *adab* according to Islam that are relevant to the development of human capital with integrity, as well as to explain the methods of applying these values in the context of human capital development. Data for this study were collected through text analysis and subsequently analyzed using a thematic analysis approach. The findings indicate that the Islamic values of *adab* identified can be applied among various groups within Malaysian society through specific methods. The application of these *adab* values is important in forming quality and competitive human capital.

Keywords:

Human Capital, Integrity, Islamic Ethical Values (*Adab*)

Pengenalan: Memahami Konsep

Pembangunan modal insan yang berintegriti berdasarkan konsep nilai adab menurut Islam sangat penting dalam membentuk masyarakat majmuk yang harmoni dan berdaya saing. Dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia, yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, nilai adab menjadi teras utama untuk memastikan keharmonian dan perpaduan terpelihara. Nilai adab seperti jujur, amanah, adil, hormat-menghormati, empati, toleransi, dan merendah diri bukan sahaja memperkukuh hubungan interpersonal tetapi juga membina asas integriti dalam diri individu (Asmawati Suhid, 2007). Terdapat cabaran dan masalah untuk memastikan modal insan yang dihasilkan memiliki kekuatan rohani, berakhlak mulia, mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian sama ada dalam rumahtangga, tempat kerja atau dalam masyarakat (Masitah, et.al, 2019). Pada zaman kini, masyarakat kita semakin melupakan nilai-nilai murni yang sepatutnya menjadi asas dalam kehidupan seharian. Banyak nilai murni yang dahulunya menjadi pegangan kini mulai terhakis dan tidak dipraktikkan dengan sepenuhnya. Kemerosotan nilai-nilai murni dalam masyarakat kini adalah satu masalah serius yang perlu diberi perhatian (Eddy Hamidi, 2021, April 27). Nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, kerjasama, kesopanan dan kejujuran adalah asas kepada pembentukan masyarakat yang bertamadun dan berakhlak mulia. Sekiranya nilai-nilai ini tidak dipupuk dan dipertahankan, masyarakat akan kehilangan pedoman dan hala tuju dalam mengejar kemajuan. Justeru, kajian

ini bertujuan untuk mengenal pasti nilai adab dan kaedah penerapan yang sesuai dalam konteks masyarakat pelbagai di negara ini dalam pembangunan modal insan yang berintegriti.

Konsep Modal Insan

Istilah Modal Insan atau *human capital* merujuk kepada manusia sebagai aset ekonomi yang dapat memberikan manfaat kepada negara. Konsep ini berkembang dalam falsafah Barat yang menumpukan pada aspek fizikal dan duniawi manusia. Negara maju melaburkan banyak dalam pendidikan dan latihan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran individu, sekaligus meningkatkan nilai modal insan yang menyumbang kepada kemajuan negara.

Perbincangan tentang istilah Modal Insan bermula pada tahun 1776 melalui pandangan ekonomi klasik Adam Smith yang menganggap bakat dan kemahiran rakyat sebagai modal penting dalam sesebuah negara. Gary S. Becker (1993) menambah bahawa modal insan berkait rapat dengan pengetahuan, kemahiran, kesihatan, dan nilai individu, yang semuanya mempengaruhi ekonomi negara. Beliau menekankan pendidikan dan latihan sebagai pelaburan utama untuk meningkatkan modal insan, yang seterusnya membawa kepada pendapatan lebih tinggi dan kesejahteraan hidup. Pembangunan Modal Insan di Barat menganggap manusia adalah semata-mata aspek material yang mampu memberi pulangan semula kepada pembangunan negara sama ada dalam bentuk kemahiran atau pengetahuan yang boleh memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi negara.

Manakala konsep Modal Insan dalam Islam berbeza dengan pandangan Barat. Menurut Ahmad (2006), modal insan dalam Islam merujuk kepada keunggulan sifat peribadi seseorang yang meliputi penguasaan ilmu, kemahiran tinggi, dan akhlak mulia dalam melaksanakan tanggungjawab demi kemakmuran manusia dan alam sejagat. Kawangit (2011) pula menegaskan bahawa modal insan tidak hanya berkaitan dengan latihan, kemahiran, atau kepakaran, tetapi lebih kepada pembangunan sifat-sifat seperti amanah, jujur, berakhlak, progresif, cergas, dan bertamadun. Dalam Islam, pembangunan modal insan melibatkan aspek fizikal, pemikiran, kemahuan, kerohanian, dan perasaan yang dibentuk mengikut prinsip-prinsip Islam. Tujuan utama pembangunan ini adalah untuk menghasilkan insan yang seimbang dari segi jasmani dan rohani, berilmu, berakhlak mulia, serta mampu memenuhi amanah sebagai khalifah di bumi dengan memperoleh keredhaan Allah SWT (Masitah, 2019)

Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, sebagai Bapa Pembangunan Modal Insan di Malaysia, telah menekankan keseimbangan antara pembangunan fizikal, mental, dan spiritual dalam usaha membina modal insan yang berintegriti. Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) adalah manifestasi usaha kerajaan untuk memperkukuh budaya integriti berasaskan nilai keagamaan dan budi pekerti luhur (Mohamed Azam, 2024). Pendekatan ini penting dalam masyarakat majmuk kerana ia menggalakkan nilai universal yang positif dan menyatukan rakyat tanpa mengira latar belakang kaum dan agama.

Pembangunan modal insan yang merujuk kepada aset intelek dalam diri individu, memainkan peranan penting dalam kemajuan negara. Dalam era pendigitalan dan kepesatan teknologi ini, modal insan yang berkemahiran, berilmu, berpengetahuan tinggi dan berintegriti amat diperlukan untuk mencapai status negara maju. Hal ini sejajar dengan pendapat Noraini, Farrah Wahida dan Mohd Ikram (2022) bahawa teras utama dalam melahirkan masyarakat yang cemerlang adalah melalui proses pendidikan berlaku secara tertib dan teratur sehingga seluruh potensi akal budi dapat dibangunkan melalui ciri-ciri kemajuan dan berkemahuan iaitu inovatif yang akhirnya menjadi modal berguna kepada pembangunan negara. Selain itu, ilmu dan

kepakaran yang berguna sudah tentu berupaya dapat mewujudkan negara yang makmur dan sejahtera. Pembangunan insan juga merujuk kepada pendidikan, tahap kemahiran dan kebolehan seseorang untuk menjadi pekerja yang produktif dalam ekonomi dalam abad ke – 21 (Hershberg, 1996).

Menurut kajian Noor Shakirah dan Muhammad Azizan (2014), berpendapat bahawa pembangunan berkaitan modal insan atau sumber manusia ini bukan sahaja penting untuk pembangunan ekonomi atau material seseorang negara malah ia juga penting dalam memastikan kelestarian jati diri seseorang individu. Keadaan ini menjadikan pembangunan modal insan tidak hanya boleh dilihat dari aspek fizikal atau material semata-mata namun ia lebih penting lagi untuk dilihat dari aspek spiritual dan kerohanian seseorang individu.

Konsep Integriti

Integriti berasal daripada perkataan latin: ‘integer’ yang bermaksud menyeluruh, sempurna dan kesatuan yang teguh (Widang & Fridlund, 2003). Pendefinisian terhadap istilah integriti boleh diklasifikasikan kepada empat perspektif iaitu ketekalan nilai peribadi, komitmen terhadap nilai peribadi, komitmen terhadap nilai komuniti dan komitmen terhadap nilai-nilai murni (Stanford Encyclopedia of Philosophy, 2013). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), integriti bermaksud kejujuran, keadaan sempurna dan utuh, keutuhan serta ketulusan. Oleh itu, integriti juga menerangkan elemen tingkahlaku pekerja dan kejayaan yang melibatkan urusan yang adil, kejujuran dan kebolehppercayaan di tempat kerja (Mehrabian, 2000). Kamus Oxford (2005) membariskan empat ciri utama dalam konsep integriti iaitu sifat yang menyeluruh, jitu, benar dan jujur ‘*wholeness, soundness, uprightness and honesty*’ (Jamiah et al., 2004). Pengertian integriti telah ditakrif lebih jelas lagi dalam Plan Integriti Nasional 2006 (PIN 2006) yang membawa maksud kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan berteraskan prinsip teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral. Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendefinisikan integriti sebagai suatu konsep yang bukan sahaja meliputi tapi menjangkau aspek-aspek seperti keikhlasan, kejujuran, keadilan, saksama, dan kebenaran (United Nations, 2005).

Konsep Nilai Adab

Definisi nilai, secara prinsipnya ialah untuk melihat penerimaan dan penilaian manusia terhadap sesuatu nilai sama ada dalam bentuk positif atau negatif. Nilai boleh ditakrifkan sebagai satu set piawaian dan moral dalam kalangan manusia yang dipersetujui, yang merupakan timbangan terhadap amalan dan menilai tindakan mereka (Norullisza K. et al., 2020). Nilai juga merujuk kepada harga, kebaikan, keburukan dan penilaian berasaskan pertimbangan domain-domain nilai yang ditentukan oleh manusia (Shuharmi Abdullah, 2017). Bermaksud standard atau ukur tara dan prinsip yang digunakan untuk mempertimbangkan harga sesuatu benda, perkara, perbuatan, tingkah laku, kejadian dan keadaan sama ada benar, baik, berguna, diingini atau pun sebaliknya (Nik Rosila Nik Yaacob, 2014).

Dalam konteks perspektif barat, banyak kajian nilai yang telah dilakukan oleh sarjana barat. Sebagai contoh Paul W. Taylor dalam bukunya *Normative Discourse* (1961), menjelaskan bahawa nilai merupakan kombinasi elemen darjah dan nilai normal yang membentuk kerangka kehidupan manusia. Manakala pandangan yang lain pula memberi pengertian bahawa nilai itu terpancar daripada kemahuan dan motif yang dihasilkan serta diiktiraf oleh masyarakat dan budaya untuk megekalkan keharmonian dalam kehidupan. Selain itu ada yang berpendapat bahawa nilai merupakan set kepercayaan yang menyebabkan manusia menentukan sesuatu tingkah laku (Shuharmi Abdullah, 2017).

Namun demikian Islam mempunyai perspektif yang tersendiri dalam melihat pengertian konsep nilai ini. Nilai dikenali sebagai '*qimah*' dalam bahasa Arab yang beerti harga sesuatu yang ditetapkan, juga bermaksud satu set matlamat dan cita-cita yang membimbing manusia, sama ada hubungannya dengan dunia fizikal, sosial atau samawi (Norullisza K. et al., 2020). Menurut dimensi Islam, nilai ialah ukuran piawaian kepada manusia untuk menilai sama ada sesuatu perkara, perbuatan atau perkataan itu baik, bermanfaat, mudarat atau tercela. Dan yang membezakan penilaian nilai ini dengan perspektif barat adalah mekanisme yang diaplikasi oleh Islam untuk menilai sesuatu tindakan atau benda yang terangkum dalam elemen nilai perlu disaring dengan doktrinasi akhlak, hukum syariah dan tauhid. Oleh yang demikian pemahaman nilai dalam Islam bukan sahaja berdasarkan penilaiin akidah semata-mata atau asperiasi pelbagai budaya masyarakat sahaja, namun ia melibatkan refleksi manusia terhadap nilai perlu dipandu dengan dalil-dalil naqliah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah (Shuharmi, 2017).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), adab membawa maksud tingkah laku atau tutur kata yang halus (sopan), budi bahasa, budi pekerti yang halus (kesopanan). Selain itu, adab merujuk tatacara atau tingkah laku yang sesuai dengan keadaan dan tempat. Hal ini meliputi tatacara semasa bercakap, makan, berpakaian, menghormati orang lain dan sebagainya. Untuk menjadi insan yang baik, nilai adab yang baik perlu dipraktikkan dalam kehidupan. Akhlak dan adab saling berkaitan. Akhlak yang baik akan menghasilkan adab yang baik. Dengan kata lain, adab adalah manifestasi dari akhlak yang positif. Kedua-duanya menunjukkan nilai murni yang baik dalam diri seseorang untuk menjadi insan yang mulia. Konsep adab dalam Islam merangkumi tatacara hidup yang meliputi hubungan antara manusia dengan Allah SWT (*hablun minallah*), hubungan sesama manusia (*hablun minannas*), dan hubungan dengan alam sekitar. Ia adalah manifestasi daripada penghayatan terhadap nilai-nilai Islam yang luhur seperti kejujuran (*sidq*), amanah, keadilan (*adl*), kebijaksanaan (*hikmah*), kasih sayang (*rahmah*), dan ihsan. Pembangunan modal insan yang berintegriti tidak dapat dipisahkan daripada penginternalisasian nilai-nilai adab atau nilai-nilai murni ini dalam setiap aspek kehidupan. Walau bagaimanapun, adab perlu bermula dari rumah kerana ibu bapa yang memberi dan menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak. Maka teladan yang ditunjukkan akan diingati oleh anak-anak sehingga anak-anak dewasa.

Sorotan Literatur

Terdapat lima tema penting yang dikaji melalui kajian-kajian lepas.

Pembangunan Modal Insan Berintegriti Berdasarkan Akhlak Rasulullah SAW

Kajian oleh Ruslinawati (2019) bertajuk Pembangunan Modal Insan yang Berintegriti: Satu Tinjauan Berasaskan Akhlak Rasulullah SAW menyatakan bahawa dalam usaha untuk mewujudkan modal insan yang berintegriti perlulah pelbagai pihak bangun menyusun strategi agar generasi yang bakal memayungi negara tegak berdiri berasaskan integriti dan menjadi generasi rabbani yang gemilang dan terbilang menegakkan perintah Allah SWT. Di samping itu, pembinaan tamadun manusia yang berintegriti memerlukan struktur masyarakat yang kukuh serta berdaya saing. Melalui kajian kualitatif ini dimodelkan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang manusia yang mempunyai akhlak mulia supaya ia menjadi teladan dan ikutan. Tambahan pula, pembinaan masyarakat melalui pembentukan generasi cemerlang yang memiliki kesempurnaan ilmu pengetahuan serta bertaqwa kepada Allah hendaklah digarapkan menerusi karakter Nabi Muhammad SAW yang telah berjaya mendidik generasi para Sahabat RA. Berdasarkan hakikat ini, tingkah laku Rasulullah SAW adalah dianggap suri teladan dalam menentukan hala tuju gelagat manusia. Ini ditegaskan oleh Saidatina Aishah, apabila ditanya,

bagaimanakah akhlak Rasulullah, Saidatina Aishah menjawab bahawa akhlak Rasulullah SAW ialah al-Quran.

Peranan Nilai-nilai Islam dalam Pembangunan Insan Menyeluruh

Menerusi kajian Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd Shukri Hanapi (2020), penyelidikan mereka meneroka peranan nilai-nilai Islam dalam pembangunan manusia. Menurut hasil kajian tersebut, nilai-nilai Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan insan secara menyeluruh dan berteraskan Islam. Melalui penerapan nilai-nilai ini dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk pendidikan, pentadbiran, dan masyarakat, insan dapat dibentuk menjadi individu yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi, dan intelek. Pendidikan nilai Islam yang bermula sejak usia awal dan disokong oleh peranan aktif guru dan ibu bapa dapat menghasilkan insan yang berakhlak mulia dan berdaya saing. Kejayaan pembangunan insan berteraskan Islam bukan sahaja memberi manfaat duniawi tetapi juga persiapan untuk kehidupan akhirat.

Strategi PMI dan Pendekatan Islam Hadhari dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia

Menurut kajian oleh Noraini Zulkifli, Farrah Wahida Mustafar dan Mohd Ikhrum Mohd Ridzuan (2022) menyatakan pembangunan modal insan di Malaysia sebenarnya menyasarkan kepada pembentukan seseorang yang berdaya saing serta mampu mengharungi cabaran di masa hadapan yang sangat mencabar. Selain itu, Pembangunan modal insan ini perlu dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan aktif bagi menghasilkan masyarakat yang berdaya saing dan menjamin kehidupan generasi masa depan yang lebih baik dan harmoni. Seluruh warga masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan kejayaan dapat dicapai. Pencapaian sebenar dalam dasar pembangunan modal insan ini adalah apabila masyarakat yang berjaya dibentuk di masa depan mempunyai jati diri yang tinggi serta dapat bersaing di peringkat dalam dan juga luar negara.

Kajian oleh Mohamad Kamil, Rahimin Affandi dan Muhammed Yusof (2014) yang bertajuk Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Analisis Terhadap Pendekatan Islam Selepas Negara Merdeka, membincangkan bahawa tentang sebab utama yang membawa kepada terbentuknya pendekatan Islam Hadhari. Selain itu, kajian tersebut turut membincangkan mengenai konsep pembangunan modal insan mengikut pemahaman pendekatan Islam Hadhari. Kajian ini berkenaan analisis kritikal tentang realiti konsep pembangunan modal insan semasa dengan mengemukakan beberapa faktor yang boleh membawa kepada kegagalan terhadap pendekatan Islam Hadhari di Malaysia.

Pendidikan Adab dan Akhlak Islam sebagai Medium Pembangunan Modal Insan

Kajian Asmawati Suhid yang bertajuk Pengajaran Adab dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan pula membincangkan tentang kepentingan pendidikan sebagai medium paling penting dalam membangunkan modal insan, khususnya melalui integrasi nilai spiritual dan moral dalam kurikulum pendidikan Islam yang diajar kepada pelajar Muslim di Malaysia. Menurut beliau, pendidikan akhlak yang berasaskan agama adalah lebih mantap dan kekal berbanding pendidikan yang bersifat sekular, yang cenderung melemahkan nilai moral dan akhlak. Tambahan beliau pendidikan Islam dengan penekanan pada adab dan akhlak adalah salah satu jalan penyelesaian utama dalam menangani masalah kemerosotan akhlak dalam masyarakat kini menjadi cabaran besar.

Penggunaan media dalam Internalisasi Nilai Adab

Dari sudut penggunaan media, Syarifah Mardiah dan Munisa (2024) dalam kajian mereka yang bertajuk Internalisasi Nilai-Nilai Adab Makan dan Minum Melalui Animasi Kartun Islami Di RA El Syarifah Medan, mengkaji tentang keberkesanan penggunaan animasi kartun Islami untuk mengantarabangsakan nilai adab makan dan minum pada kanak-kanak awal usia. Selain itu, kajian tersebut juga melihat kepada faktor-faktor yang mempengaruhi internalisasi nilai-nilai tersebut melalui media animasi. Hasil kajian mendapati bahawa internalisasi nilai adab makan dan minum melalui animasi kartun Islami yang dilakukan di RA El Syarifah Medan sangat efektif dalam membentuk karakter keagamaan anak yang masih kecil. Proses ini disokong oleh peranan guru sebagai teladan dan pembiasaan dalam kehidupan sehari-hari. Namun kajian ini agak terbatas kerana ia dilakukan ke atas kanak-kanak pra sekolah muslim yang fokus kepada adab makan dan minum sahaja.

Manakala kajian Hamdanah et al (2023) pula menyelidik bagaimana filem kartun boleh digunakan sebagai medium pendidikan moral untuk kanak-kanak pra sekolah dan mengkaji kesesuaian dan keberkesanan kandungan moral dalam kartun terhadap pembentukan karakter kanak-kanak. Hasil kajian mendapati bahawa filem kartun merupakan medium yang efektif dan menarik untuk pendidikan moral kanak-kanak awal usia. Melalui penceritaan dan watak yang menyeronokkan, nilai-nilai moral seperti kejujuran, tolong-menolong, kesopanan, dan tanggungjawab dapat disampaikan dengan cara yang mudah difahami dan dihayati oleh kanak-kanak. Peranan pendidik dan ibu bapa sangat penting dalam memastikan nilai-nilai tersebut dapat diterapkan dalam kehidupan seharian anak-anak.

Selain itu, kajian ini juga menggabungkan pendekatan kontemporari dan tradisional dalam memahami pembangunan modal insan, dengan menekankan nilai adab Islam sebagai asas pembentukan integriti. Tiga kerangka utama digunakan: Teori Pembangunan Modal Insan, Teori Pendidikan Islam, dan Konsep Adab Menurut Islam.

Teori Pembangunan Modal Insan (Schultz (1961), Becker (1993) menekankan manusia sebagai aset penting yang perlu dilaburkan melalui pendidikan, latihan, dan pembentukan nilai untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing. Namun, teori ini lebih bersifat material dan ekonomi, justeru perlu disokong oleh nilai spiritual dan etika Islam untuk keseimbangan pembangunan insan.

Teori Pendidikan Islam pula memberi fokus kepada pembangunan insan secara holistik, merangkumi aspek rohani, intelektual, emosi dan jasmani. Tokoh seperti al-Ghazali, Ibn Khaldun dan Syed Muhammad Naquib al-Attas menekankan tujuan pendidikan adalah membentuk insan beradab (ta'dib), bukan sekadar penyampaian ilmu, tetapi juga pembentukan akhlak dan integriti. (Al-Attas, 1993).

Konsep Adab menurut Islam merujuk kepada perilaku yang tertib, berakhlak dan berpanduan syariat. Adab membentuk integriti melalui sifat amanah, jujur, ikhlas dan bertanggungjawab, serta membina hubungan harmoni antara individu dan masyarakat.

Gabungan ketiga-tiga teori ini membentuk kerangka teori yang seimbang, menilai pembangunan insan dari segi intelek, kemahiran, nilai, spiritual dan integriti. Kerangka ini menegaskan pembangunan insan perlu seimbang antara akal dan hati, fizikal dan rohani, serta individu dan masyarakat, bagi melahirkan modal insan yang kompeten dan berintegriti tinggi.


Metadologi

Metodologi kajian adalah pendekatan dan teknik sistematik yang digunakan dalam merancang, mengumpulkan, dan menganalisis data. Tujuannya adalah untuk menghasilkan bukti empirikal yang kukuh bagi menyokong atau menolak hipotesis kajian. Metodologi menjelaskan secara terperinci cara penyelidikan mendekati permasalahan yang sedang diteliti, termasuk justifikasi mengapa kaedah dan teknik tertentu dipilih. Justifikasi ini penting untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Selain itu, tujuan metodologi adalah untuk membantu memahami secara mendalam dan terperinci bagaimana kaedah diterapkan melalui penjelasan tentang keseluruhan proses kajian, dari peringkat perancangan hingga interpretasi data.

Dalam kajian ini, kaedah pendekatan kualitatif dan analisis teks digunakan. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk memahami secara mendalam bagaimana nilai adab dalam Islam dapat membentuk modal insan yang berkualiti. Analisis teks akan digunakan untuk mengkaji sumber-sumber bertulis seperti teks-teks agama, karya ilmiah, dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan adab dan pembentukan modal insan. Data ini kemudian dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Sumber data utama adalah berdasarkan sumber data sekunder iaitu kajian-kajian lepas. Tempoh kajian selama tiga bulan. Melalui analisis teks, kajian ini akan mengenal pasti nilai-nilai adab yang utama dalam Islam dan bagaimana nilai-nilai ini diterjemahkan dalam pembentukan individu yang berkualiti dari segi moral, etika, dan sosial.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Nilai Adab dalam Pembangunan Modal Insan



Rajah 1: Nilai Adab Dalam Pembangunan Modal Insan Berintegriti

Nilai adab memainkan peranan penting dalam setiap aspek kehidupan, khususnya dalam pembangunan modal insan yang berintegriti berdasarkan prinsip Islam. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di atas, terdapat 5 nilai adab yang mempengaruhi pembanguna modal insan yang berintegriti. Salah satu nilai utama yang ditekankan ialah kejujuran dan amanah. Kejujuran dalam perkataan dan perbuatan menjadi asas kepada kepercayaan dan keyakinan dalam interaksi sosial dan profesional. Individu yang berintegriti sentiasa berkata benar, menepati janji, dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi. Amanah pula merangkumi tanggungjawab yang lebih luas, termasuk menjaga harta benda awam, melaksanakan kuasa secara adil, dan memelihara kepercayaan yang diberikan. Modal insan yang memiliki sifat jujur dan amanah menjadi aset berharga kepada organisasi

dan masyarakat kerana mereka mampu menjalankan tugas tanpa terjerumus dalam amalan rasuah atau penyelewengan (Asmawati Suhid, 2007).

Selain itu, nilai keadilan turut memainkan peranan penting dalam membentuk modal insan berintegriti. Keadilan dalam Islam bukan sekadar memberikan hak kepada yang berhak, tetapi juga melibatkan kesaksamaan dalam perlakuan dan keputusan. Individu yang dididik dengan nilai keadilan akan bertindak secara objektif, menolak penindasan dan diskriminasi, serta berusaha menegakkan kebenaran. Keberadaan insan yang adil akan memperkukuh sistem pemerintahan dan organisasi agar berjalan dengan efisien dan dipercayai (Norullisza & Mohd, 2020).

Nilai kebijaksanaan atau hikmah juga merupakan elemen penting dalam pembangunan modal insan. Hikmah merujuk kepada kemampuan membuat keputusan yang tepat berdasarkan ilmu, pengalaman, dan pertimbangan rasional. Individu yang berhikmah mampu menghadapi cabaran dengan tenang dan rasional, mencari solusi terbaik demi kepentingan bersama tanpa terpengaruh oleh emosi atau kepentingan peribadi (Masitah & Wan Fariza, 2019).

Menurut Zuraimy et al., 2022, nilai kasih sayang (*rahmah*) dan ihsan turut menyumbang kepada pembentukan modal insan berintegriti. *Rahmah* mendorong individu berinteraksi dengan kelembutan, toleransi, dan saling menghormati, manakala ihsan melibatkan usaha melakukan kebaikan melebihi kewajipan serta memberikan manfaat kepada orang lain. Individu yang dijiwai nilai rahmah dan ihsan memiliki kepekaan sosial tinggi dan empati terhadap kesulitan orang lain, sekaligus sentiasa berusaha memberikan sumbangan positif kepada masyarakat.

Dalam konteks pembangunan negara, modal insan berintegriti yang berasaskan nilai adab Islam menjadi pemangkin kemajuan lestari. Mereka mampu membangunkan ekonomi beretika, sistem pemerintahan bersih dan telus, serta masyarakat harmonis dan sejahtera. Sebaliknya, kekurangan integriti akan membawa kepada masalah seperti rasuah, penyelewengan kuasa, ketidakadilan, dan keruntuhan moral yang menghambat kemajuan negara (IKIM, 2023).

Oleh itu, usaha membangunkan modal insan berintegriti berteraskan nilai adab Islam perlu menjadi agenda utama dalam sistem pendidikan dan pembangunan sumber manusia. Pendekatan holistik yang melibatkan penanaman nilai sejak usia dini melalui pendidikan formal dan non-formal, serta keteladanan daripada pemimpin dan tokoh masyarakat amat diperlukan. Selain itu, pengukuhan institusi dan sistem yang menjunjung tinggi integriti dan akauntabiliti penting bagi mewujudkan persekitaran kondusif untuk perkembangan modal insan berkualiti (Noor Shakirah & Muhammad, 2014).

Kaedah Penerapan Nilai-Nilai Adab

Menerusi kajian yang dilaksanakan, didapati penerapan nilai adab boleh berlaku dengan gabungan tiga aspek berikut: pendidikan formal dan non-formal, penggunaan media dan teknologi secara beretika, serta keteladanan dan pembiasaan nilai murni dalam kehidupan seharian. Rajah 2 menunjukkan bagaimana penerapan nilai adab dapat dilaksanakan.



Rajah 2: Kaedah Penerapan Nilai Adab

Melalui Pendidikan Formal dan Tidak Formal

Penerapan nilai-nilai adab dapat dilaksanakan secara efektif melalui pendidikan formal dan non-formal yang berperanan membentuk sahsiah dan jati diri individu sejak di peringkat awal pembelajaran hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam Islam, ilmu (pengetahuan) tidak boleh dipisahkan daripada akhlak (nilai moral) dan keimanan (iman kepada Allah). Ilmu tanpa akhlak dan iman boleh membawa kepada penyalahgunaan pengetahuan, manakala akhlak dan iman tanpa ilmu boleh menyebabkan kekeliruan dan kelemahan dalam pengurusan kehidupan. Oleh itu, pembangunan modal insan mesti menyepadukan ketiga-tiga elemen ini secara holistik agar individu bukan sahaja cerdas tetapi juga berakhlak mulia dan beriman kuat (Ahmad & Kamal, 2015)

Pendidikan Formal merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di sekolah dan institusi pengajian tinggi dengan struktur kurikulum yang jelas dan sistematik. Nilai-nilai adab seperti hormat-menghormati, bertanggungjawab, kejujuran, dan kerjasama diserap melalui mata pelajaran khusus seperti Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam, serta diterapkan secara menyeluruh dalam semua subjek lain. Contohnya, guru boleh menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan nilai dengan mengaitkan isi pelajaran kepada nilai murni, seperti membincangkan kisah-kisah sejarah yang menonjolkan kejujuran dan keberanian, atau menggalakkan pelajar bekerjasama dalam aktiviti berkumpulan untuk memupuk semangat kerjasama dan hormat-menghormati (Norazri, 2015).

Selain itu, guru dan pensyarah berperanan sebagai model teladan yang penting dalam menerapkan nilai adab. Sikap dan tingkah laku guru yang sopan, bertanggungjawab, dan berdisiplin akan menjadi contoh yang diikuti oleh pelajar. Penggunaan teknik pengajaran yang pelbagai, termasuk multimedia yang mengandungi unsur nilai murni, turut membantu memperkukuh pemahaman dan penghayatan nilai tersebut dalam kalangan pelajar (Latifah et.al.,2012).

Pendidikan Tidak Formal pula berlaku melalui aktiviti ko-kurikulum, program khidmat masyarakat, kem kepimpinan, dan aktiviti sosial lain di luar bilik darjah. Program ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk mengamalkan nilai adab dalam situasi sebenar, seperti berinteraksi dengan rakan sebaya dan masyarakat, menguruskan tanggungjawab dalam

kumpulan, serta menunjukkan sikap hormat dan toleransi. Contohnya, melalui aktivitas sukarelawan atau kem motivasi, pelajar didedahkan dengan nilai empati, kesabaran, dan kerjasama yang penting dalam pembentukan sahsiah mereka.

Selain itu, pendidikan nilai secara tidak formal juga berlaku dalam keluarga dan komuniti, di mana ibu bapa dan anggota masyarakat memainkan peranan penting dalam membimbing dan membentuk nilai adab sejak dari usia awal. Pendekatan holistik ini memastikan nilai-nilai murni tidak hanya diajar secara teori tetapi turut diamalkan dalam kehidupan seharian, menjadikan pembelajaran nilai lebih berkesan dan berterusan.

Melalui Media dan Teknologi

Penerapan nilai adab dalam era digital sangat penting untuk memastikan interaksi dalam media dan teknologi berjalan dengan penuh hormat, sopan santun, dan bertanggungjawab. Media digital dan teknologi bukan sahaja menjadi alat komunikasi utama, tetapi juga platform pembelajaran dan penyebaran maklumat yang meluas. Oleh itu, pengintegrasian nilai-nilai adab dalam penggunaan media dan teknologi perlu dilakukan secara sistematik dan berkesan.

Perkembangan pesat teknologi telah menjadikan media sebagai salah satu alat yang sangat berpengaruh dalam kehidupan individu terutama di kalangan generasi muda kanak-kanak. Perkembangan yang berlaku dalam teknologi pendidikan telah diterima oleh golongan guru sebagai satu inovasi yang diperlukan dalam pengajaran (Rezki P. S., et al, 2009). Sebagai contoh kartun animasi contohnya "Upin & Ipin", "Omar & Hana", dan "Nussa & Rara" dapat membantu menyampaikan nilai-nilai Islam kepada kanak-kanak dengan cara yang menarik. Oleh itu penggunaan filem kartun sebagai alat pendidikan moral harus dipertingkatkan dan disesuaikan dengan konteks budaya dan agama setempat. Kandungan kartun perlu dirancang dengan teliti agar nilai moral yang disampaikan jelas dan tidak mengelirukan. (Hamdanah et al., 2023)

Selain itu, sistem pendidikan tidak kira formal dan non-formal perlu memasukkan modul etika digital yang menekankan nilai-nilai adab dalam berinteraksi secara dalam talian. Contohnya, pelajar diajar untuk menggunakan bahasa yang sopan, menghindari penyebaran berita palsu (hoaks), mengelakkan fitnah, ghibah, dan prasangka buruk terhadap orang lain. Melalui pembelajaran ini, pengguna media sosial akan lebih peka terhadap hak privasi, menghormati perbezaan pendapat, dan mengekalkan sikap toleransi dalam komunikasi digital (Latifah A. et al., 2012).

Pengintegrasian nilai adab dalam pembelajaran digital perlu diberi perhatian. Sebagai contoh institusi pendidikan seperti Pondok Modern Darussalam Gontor telah mengimplementasikan pendekatan integrasi ilmu dan adab melalui platform digital seperti *Zoom Meeting*. Dalam sesi pembelajaran dalam talian, para pelajar diajar untuk menjaga etika digital seperti menghormati masa, bersikap sopan ketika berkomunikasi, dan menunjukkan keseriusan dalam pembelajaran. Pendekatan ini membuktikan bahawa teknologi digital dapat digunakan untuk memperkukuh nilai adab tanpa mengorbankan prinsip-prinsip agama dan pendidikan (Muhammad F. N. et al. 2024).

Oleh itu, teknologi bukan sahaja menjadi alat komunikasi dan pembelajaran yang efektif, tetapi juga medium yang mampu memperkukuh nilai-nilai murni dalam masyarakat moden. Pendekatan ini akan melahirkan generasi yang bukan sahaja celik teknologi tetapi juga berakhlak tinggi dan bertanggungjawab dalam penggunaan media digital.

Melalui Keteladanan dan Pembiasaan

Mempamerkan teladan yang baik daripada orang tua kepada orang muda dapat menerapkan nilai-nilai adab kepada masyarakat. Keteladanan daripada ibu bapa, guru, serta pemimpin masyarakat sangat penting dalam proses penerapan nilai-nilai murni ini. Perbuatan, perkataan, dan tingkah laku ibu bapa akan ditiru dan diinternalisasi oleh anak-anak dan termasuk mengamalkan adab digital. Contohnya, ibu bapa yang sentiasa menjaga tutur kata, bersikap sopan, menghormati orang lain, bersikap jujur dan amanah dalam urusan harian akan menjadi contoh kepada anak-anak untuk mengamalkan nilai yang sama. Selain itu, mereka harus menunjukkan cara berkomunikasi yang santun dan bertanggungjawab di media sosial, tidak menyebarkan maklumat yang tidak benar, serta menghormati privasi dan hak orang lain. Murid akan mencontohi adab dan akhlak guru mereka, manakala anggota masyarakat akan melihat kepada perilaku pemimpin mereka (Norullisza & Mohd, 2020).

Melalui keteladanan dan pembiasaan, penerapan nilai-nilai adab dalam masyarakat dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Orang tua, guru, dan pemimpin masyarakat memegang peranan penting sebagai contoh teladan yang menjadi rujukan bagi generasi muda dalam menginternalisasi nilai-nilai murni. Perilaku, tutur kata, dan sikap yang ditunjukkan oleh ibu bapa seperti menjaga kesopanan, menghormati orang lain, serta bersikap jujur dan amanah dalam kehidupan seharian, secara tidak langsung akan ditiru oleh anak-anak mereka (Abdul Halim & Norasibah, 2018). Begitu juga, guru yang menunjukkan akhlak mulia dan sikap profesional akan menjadi model yang diikuti oleh pelajar, manakala pemimpin masyarakat yang mengamalkan integriti dan etika yang tinggi mampu mempengaruhi warga untuk mengamalkan nilai yang sama .

Pembiasaan nilai adab melalui amalan harian dan interaksi sosial yang positif akan memperkukuh pemahaman dan penghayatan nilai tersebut dalam kalangan masyarakat. Contohnya, ibu bapa yang sentiasa mengucapkan salam, berkomunikasi dengan sopan, dan menunjukkan rasa hormat kepada orang lain akan membantu anak-anak membentuk sikap yang serupa. Di sekolah pula, guru yang konsisten menegakkan disiplin dan mempraktikkan adab dalam pengajaran akan membina persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk pembentukan sahsiah pelajar (Shahrul Nizam & Suhaila, 2019). Pemimpin masyarakat pula dengan sikap teladan mereka dalam menjaga norma sosial dan etika akan memperkuat budaya hormat dan sopan santun dalam komuniti.

Oleh itu, keteladanan yang baik dan pembiasaan nilai adab secara berterusan merupakan asas penting dalam membentuk masyarakat yang berakhlak mulia dan harmoni. Dengan cara ini, nilai-nilai murni bukan sahaja diajar secara teori, tetapi juga diamalkan dan diwarisi secara turun-temurun, menjadikan masyarakat lebih bertamadun dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa penerapan nilai-nilai adab dalam masyarakat merupakan elemen penting dalam pembentukan modal insan yang berintegriti dan berakhlak mulia. Pembangunan modal insan perlu dilaksanakan secara komprehensif dan berterusan, merangkumi aspek pendidikan, latihan, serta pembentukan sahsiah yang mantap. Pendekatan ini bertujuan untuk menghasilkan masyarakat yang berdaya saing, seimbang dari segi intelektual dan moral, serta mampu menghadapi cabaran masa depan dengan keyakinan dan ketahanan.

Selain itu, kejayaan pembangunan modal insan memerlukan penglibatan aktif dan kerjasama erat daripada semua pihak dalam masyarakat, termasuk individu, keluarga, institusi pendidikan, dan pihak kerajaan. Dengan penglibatan kolektif ini, generasi akan datang dapat dibentuk dengan jati diri yang kukuh serta kemampuan bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa. Justeru, pembangunan modal insan yang berteraskan nilai adab akan menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang harmoni, sejahtera, dan berdaya tahan dalam menghadapi perubahan global. Tujuan dan objektif kajian ini tercapai kerana dapat mengenal pasti nilai adab dalam pembangunan modal insan dan kaedah yang boleh diterapkan terutamanya dalam pendidikan sama ada pendidikan formal atau tidak formal.

Akhir kata, semua agama menyeru kepada kebaikan dan kerukunan dalam perhubungan sesama manusia. Islam, sebagai agama ‘yang mensejahterakan’ atau ‘agama keamanan’ sangat menuntut umatnya supaya menghormati sesama manusia, meskipun anutan agama mereka berbeza daripada Islam. Firman Allah bermaksud: “Wahai orang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juga) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.” (Surah al-Maidah, ayat 8)

Penghargaan

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya dan rakan penulis berjaya menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Penghargaan ini saya tujukan kepada semua yang secara langsung atau tidak langsung telah membantu saya dan rakan penulis dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga segala jasa dan sumbangan kalian mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah SWT.

Rujukan

- Abdul Ghani, R. (2019). Pembangunan modal insan yang berintegriti: satu tinjauan berasaskan akhlak Rasulullah SAW. Seminar Wacana Pendidikan 2019 (SWAPEN 2.0).
- Abdullah, S. (2017). Dinamisme nilai-nilai murni menurut perspektif Islam. Perlis: Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).
- Abdullah, J. (2022, July 28). AIU becomes a lifeline for poor students to continue their studies – Syed Mokhtar. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/aiu-jadi-talianhayat-pelajar-miskin-sambung-pengajian-syed-mokhtar/>
- Ahmad, A. R. (2006). Pembangunan modal insan: Apa dan kenapa perlu dalam konteks organisasi di Malaysia. n.p.: Human Resources Academy.
- Ahmad M. I, & Kamal R. (2015). Aplikasi dan pelaksanaan integrasi ilmu dalam pendidikan islam: pengalaman Malaysia. Tinta Artikulasi Membina Ummah 1(2), 2015 51-59, e-ISSN: 2289-960X.
- Al-Attas, S. M. N. (1993). Islam and secularism (2nd ed.). Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Asmawati S. (2007). Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal Insan. Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, Bil.8, 167-177.
- Becker, G. S. (1993). Human capital: A theoretical and empirical analysis, with special reference to education (3rd ed.). Chicago: University of Chicago Press.
- Eddy Hamidi. (2021, April 27). Nilai murni semakin defisit, tiada lagi adab. Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2021/04/27/nilai-murni-semakin-defisit-tiada-lagi-adab/>

- Hamdanah, H., Surawan, S., & Fahmi, N. (2023). cartoon film as a medium of moral education for early children. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 7(4). <https://doi.org/10.31004/obsesi.v7i4.5027>
- Institut Integriti Malaysia. (2006). *Pelan Integriti Nasional: Edisi ringkas*. http://www.moa.gov.my/documents/10157/59280/ringkasan_mengenai_pelan_integriti_nasional.pdf
- Kawangit, R. M. (2011). *Pengurusan modal insan dari perspektif Islam*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Latifah A., Wan Nasyrudin W. A. & Nurul Hidayah A. Z. (2012) Penerapan nilai murni dan pembentukan jati diri kanak-kanak prasekolah melalui penggunaan multimedia. *Jurnal Hadhari, Special*, 51-65.
- Masitah I., Wan Fariza A. W. Z., Ahmad S. L., & Nozira S. (2019). *JoMOR*, Vol 1, Issue 2. <https://doi.org/10.5281/zenodo.3249773>
- Mat Akhir, N. S., & Sabjan, M. A. (2014). Pembangunan modal insan dari perspektif kerohanian agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development*, 7(1), 33–47.
- Mehrabian, A. (2000). Beyond IQ: Broad-Based Measurement of individual success potential or ‘emotional intelligence’. *Genetic, Social & General Psychology Monographs*, 126(2), 133–240.
- Mohamed A. M. A. (2024, April 24). *Islam hadhari strategi pelaburan Tun Abdullah dalam modal insan negara*. <https://www.ikim.gov.my/islam-hadhari-strategi-pelaburan-tun-abdullah-dalam-modal-insan-negara>
- Mohamad Kamil, R. A., & Muhammed Y. (2014). Pembangunan modal insan di Malaysia: Analisis terhadap pendekatan Islam selepas negara merdeka. *Jurnal Hadhari*, 6(2), 15–34.
- Muhammad F. N., Annisa S. M., & Syifa A.H. (2024). Integrasi ilmu dan adab dalam pendidikan digital: Refleksi pertemuan zoom di pondok modern Darussalam Gontor. *Shibghoh: Prosiding Ilmu Kependidikan UNIDA Gontor Vol.3, 2024*.
- Noor Shakirah M. A., Muhammad A. S. (2014). Pembangunan modal insan dari perspektif kerohanian agama: Islam sebagai fokus. *Jurnal Human Capital Development*, Vol. 7 No. 1 January - June 2014.
- Noraini, N., Farrah Wahida, F. W., & Mohd I. M. I. (2022). Pembangunan modal insan di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4(3), 14–25.
- Norazri M. Z. (2015). Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara. http://eprints.uthm.edu.my/1654/1/24p_NORAZRI_BIN_MOHD_ZAIDIN.pdf
- Norullisza K, Azrin I. & Mohd Shukri H. (2020). Peranan nilai-nilai Islam dalam pembangunan insan berteraskan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(29), 109–119.
- Said, A. M. (2010). *Pembangunan modal insan: Konsep, perkembangan, cabaran dan implikasi*. Dalam Ibrahim, Y., & Awang, A.H. (Eds.), *Pembangunan modal insan: Isu dan cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saleh, A. H. (2020). Permasalahan bangsa dalam perspektif adab Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Jurnal Al-Aqidah: Jurnal Ilmu Aqidah Filsafat*, 12(1), 29-47.
- Shahrul N. A. & Suhaila A. R. (2019). The influence of community involvement programs on students’ moral development in malaysian schools. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(9), 185-196.
- Shuhairimi A. (2017) *Dinamisme nilai-nilai murni*. Perlis: Universiti Malaysia Perlis

- Schultz, T. W. (1961). Investment in human capital. *The American Economic Review*, 51(1), 1–17.
- Stanford Encyclopedia of Philosophy. (2013). Integrity. Stanford University. <http://plato.stanford.edu/entries/integrity>
- Widang, I., & Fridlund, B. (2003). Self-Respect, dignity and confidence: Conceptions of integrity among male patients. *Journal of Advanced Nursing*, 42(1), 47–56.
- Zuraimy A., Azhar A. R., Noraini I. & Nadiyah H. (2022) Etika Islam Dalam Membina Peradaban Manusia Yang Cemerlang. *Jurnal Pengajian Islam*, Bilangan 15, Special Issue, Multi Disiplin Ilmu Dalam Pengajian Islam, Halaman 168-179.